



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 22 /2023

OLEK GODANG SENI BUDAYA SEMARAKAN WARISAN AKAR UMBI MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

SERI MENANTI, NEGERI SEMBILAN 30 SEPTEMBER 2023 - Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Sembilan dan Majlis Kebudayaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan menganjurkan program **Festival Merayakan Seni Budaya Olek Godang Seni Budaya** pada 29 September hingga 1 Oktober 2023 bertempat di Ladang Alam Warisan, Seri Menanti Negeri Sembilan.

Program ini merupakan salah satu usaha JKKN untuk terus menyemarakkan aktiviti seni budaya masyarakat setempat terutama di Negeri Sembilan ini. Selain itu juga, JKKN sedang dalam usaha memelihara dan memulihara warisan seni budaya negara melalui pelaksanaan program sebegini.

Pelbagai pengisian menarik disediakan kepada para pengunjung sepanjang program ini berlangsung. Antaranya ialah Pertandingan Masakan Tradisional 6 Luak, Pertandingan Caklempong, Pertandingan Sukan Rakyat, Pertandingan Fotografi, Silang Budaya Zapin@Nogoghi, Pertandingan Memanah Tradisional, Pameran Interaktif, Kejohanan Memanah Berkuda Antarabangsa 2023 yang disertai peserta dari pelbagai negara seperti Australia, Indonesia, Jepun, China, Mongolia, Korea dan Thailand, dan banyak lagi. Selain itu, salah satu pengisian menarik yang mampu memberikan satu

pengalaman yang indah yang menggamit nostalgia kepada pengunjung adalah Olek Godang.

Olek bermaksud kenduri dan Godang pula bermaksud besar yang mana ia merupakan aktiviti gotong-royong kenduri rakyat dalam masyarakat kampung dahulu serta menjadi pengisian utama dalam program ini. Aktiviti gotong royong bermula 29 September 2023 dengan persiapan tempat memasak, bahan-bahan masakan, menyembelih dua (2) ekor lembu, memasak Lemang dan Penganan yang akan disertai masyarakat kampung pelbagai generasi. Amalan atau aktiviti rewang semakin dilupakan dalam masyarakat kini. Justeru aktiviti ini dianjurkan dengan meriah sekali untuk menjadi tarikan khususnya golongan muda.

Olek Godang Seni Budaya ini diharap dapat memberikan impak baharu kepada penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya serta mampu memberi impak kepada pendapatan usahawan tempatan selain Ladang Alam Warisan akan menjadi salah satu destinasi pelancongan yang menarik mewarnai industri pelancongan budaya Negeri Sembilan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Olek Godang Seni Budaya orang ramai boleh layari laman sesawang www.jkkn.gov.my atau laman sosial www.facebook.com/mysenibudaya dan www.facebook.com/jkknSelangorOfficial.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan
@mysenibudaya
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nik Mohd Fadly bin Nik Mat Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN nikfadly@jkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
---	--